

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Syarikat Evermal Industry Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen (4) Johor Bahru atas pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik dengan membuat penyambungan haram ke atas meter Tenaga Nasional Berhad untuk tujuan operasi kilang syarikat. Pada 7 November 2023, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Johor Bahru telah menjatuhkan hukuman denda RM16,000.00. OKS telah membayar denda tersebut.